

ELEMEN SEPUNYA KEPEMIMPINAN DAN KEPENGIKUTAN DALAM PEMBANGUNAN INSAN BERTERASKAN ISLAM

THE COMMON ELEMENTS OF LEADERSHIP AND DISCIPLESHIP IN ISLAMIC-BASED HUMAN DEVELOPMENT

Abang Mohd. Razif Abang Muis¹
Mohd Sohaimi Esa²
Mohd Azri Ibrahim³
Irma Wani Othman^{4*}
Saifulazry Mokhtar⁵
Romzi Ationg^{6*}
Mohd Kamal Mohd Shah⁷

¹Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: amrazif@ums.edu.my)

²Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (Email: msohaimi@ums.edu.my)

³Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mohdazri@ums.edu.my)

⁴Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: irma@ums.edu.my)*

⁵Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my)

⁶Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mratiang@ums.edu.my)*

⁷Faculty of Engineering, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mkamalms@ums.edu.my)

* Corresponding Author

Article history

Received date : 25-3-2021
Revised date : 21-4-2021
Accepted date : 16-5-2021
Published date : 30-6-2021

To cite this document:

Muis, A. M. R. A., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., Othman, I. W., Mokhtar, S., Ationg, R., & Shah, M. K. M. (2021). Elemen Sepunya Kepemimpinan Dan Kepengikutan Dalam Pembangunan Insan Berteraskan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 119 - 134.

Abstract: Artikel ini bertujuan mengenal pasti elemen sepunya kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan berteraskan Islam. Secara lebih khusus, bahagian pertama akan membincangkan mengenai pembinaan elemen sepunya kepemimpinan dan kepengikutan secara umum dan bahagian kedua, pengenalan aspek penting dalam pembangunan insan berteraskan Islam. Artikel ini akhirnya menganalisis elemen sepunya kepemimpinan dan kepengikutan berdasarkan aspek tasawur, prinsip dan matlamat pembangunan insan berteraskan Islam. Hasil penganalisisan itu, kajian ini merumuskan tasawur, prinsip dan matlamat kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan berteraskan Islam. Artikel ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif iaitu dengan

menggunakan data yang diperoleh melalui sumber sekunder dalam bentuk buku, jurnal, laporan, dan bahan-bahan bercetak yang lain. Artikel ini telah berjaya meneliti dan menemui elemen sepunya kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan berteraskan Islam yang memfokuskan kepada pembangunan potensi individu Muslim dalam segenap aspek. Selain itu juga, artikel ini juga berjaya meneliti aspek-aspek pembangunan insan yang berteraskan daripada ajaran Islam. Dapatan ini membuktikan bahawa sifat-sifat kepemimpinan dan kepengikutan sememangnya bahagian yang sangat signifikan dan penting dalam konteks pembangunan insan yang berteraskan Islam dalam melahirkan individu Muslim yang mampu menjadi pemimpin dan pengikut yang cemerlang dan seimbang bukan sahaja dari aspek jasmani semata-mata bahkan juga aspek-aspek yang lebih penting iaitu aspek rohani, emosi, mental dan intelektual.

Keywords: *Kepemimpinan, kepengikutan, pembangunan insan, pembangunan Islam*

Abstract: *This article aims to identify the common elements of leadership and discipleship in Islamic-based human development. More specifically, the first part will discuss the construction of common elements of leadership and discipleship in general and the second part, the identification of important aspects in Islamic-based human development. This article finally analyses the common elements of leadership and discipleship based on aspects of mysticism, principles and goals of human development based on Islam. As a result of the analysis, this study summarizes the philosophy, principles and goals of leadership and discipleship in human development based on Islam. This article uses a qualitative content analysis method that is by using data obtained through secondary sources in the form of books, journals, reports, and other printed materials. This article has successfully examined and discovered the common elements of leadership and discipleship in Islamic-based human development that focus on the development of the potential of the Muslim individual in all aspects. Apart from that, this article also succeeds in examining the aspects of human development based on the teachings of Islam. These findings prove that the qualities of leadership and discipleship are indeed a very significant and important part in the context of Islamic-based human development in producing Muslim individuals who are capable of excellent and balanced leaders and followers not only from the physical aspect but also the aspect-the more important aspects are the spiritual, emotional, mental, and intellectual aspects.*

Keywords: *Leadership, discipleship, human development, Islamic development*

Pengenalan

Perdebatan, perbincangan atau diskusi mengenai insan atau manusia adalah perbincangan yang tidak pernah kering dan tidak akan berakhir. Dari segi bahasa, istilah insan bermaksud manusia dan kemanusiaan. Menurut Noordin (2009), dalam bidang sains sosial, insan atau manusia sering dirujuk sebagai haiwan sosial atau haiwan ekonomi. Bezanya manusia lebih berakal dan mempunyai tingkah laku yang kompleks berbanding haiwan-haiwan lain. Manusia dianggap lahir daripada keluarga haiwan. Dari perspektif Islam, kedua-dua pengertian tersebut tidak sesuai digunakan kerana lahir daripada pendekatan evolusi akal yang bertentangan dengan Islam. Manusia daripada perspektif Islam pula berbeza dengan konsep manusia dalam perspektif agama-agama selain Islam. Al-Qur'an telah mengungkapkan dan menjelaskan istilah-istilah yang berkaitan dengan manusia. Salah satu istilah yang paling banyak dijumpai dalam al-Qur'an ialah istilah *al-Insan* dan *al-Nas*. Kata *al-Insan*, berakar kata *ins* yang bererti

jinak dan harmonis. Kata insan ini jelas bertentangan dengan maksud “haiwan liar”. Kata insan digunakan al-Qur’an untuk merujuk kepada manusia keseluruhannya. Perkataan *al-Insan* disebut sebanyak 65 kali dalam al-Qur’an (Junus, 2013).

Daripada definisi tersebut, dapat dirumuskan bahawa insan daripada perspektif Islam merujuk kepada perwatakan dan tindakan individu yang bergantung kepada keadaan, situasi dan juga persekitaran. Dalam diri manusia, terdapat dua unsur asas iaitu unsur rohani dan jasmani. Unsur rohani pula terdiri daripada perkaitan antara akal, hati dan perasaan yang mempunyai asas kepada personaliti manusia itu sendiri (Pasukan Penyelidik UTM, 2005). Oleh yang sedemikian, aspek rohani ini perlu dibangunkan dan dikembangkan seiring dengan perkembangan jasmani seseorang. Manusia akan cenderung ke arah kebendaan dan keduniaan semata-mata jika penekanan ditumpukan kepada aspek jasmani semata-mata. Begitu juga sebaliknya, apabila manusia hanya menumpukan aspek rohani sahaja, maka mereka terarah untuk meninggalkan kehidupan dunia. Bagi membangunkan dan memantapkan seseorang insan, keseimbangan antara unsur rohani dengan jasmani merupakan satu keperluan.

Tanggapan sesetengah masyarakat masa kini yang menganggap bahawa pembangunan manusia mestilah bersifat fizikal dan tidak ada kaitan dengan nilai-nilai Islam adalah salah dan perlu diperbetulkan (Nik Mustapha Nik Hassan, 1998). Terdapat segolongan masyarakat yang terlalu mengejar kebendaan dan kekayaan peribadi sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak. Hal ini akan menyebabkan masalah sosial berlaku dan akhirnya pembangunan yang dicari menjadi tidak seimbang antara pembangunan fizikal dan sosial. Perkara yang perlu difahami oleh setiap individu ialah pembangunan dengan segala kemajuan dan keselesaan hidup hanya merupakan alat untuk manusia meningkatkan ketakwaan dan keimanan serta bukanlah matlamat akhir kehidupan seorang Muslim. Oleh itu, seseorang Muslim tidak boleh mendambakan seluruh kehidupannya semata-mata untuk mencipta pembangunan dan kemewahan dengan mengorbankan kehidupannya yang kekal di akhirat. Dalam erti kata lain, pembangunan menurut pandangan Islam adalah untuk manusia dan bukannya manusia untuk pembangunan (Salleh, 1990). Menurut Salleh (1990), pembangunan yang berteraskan Islam merupakan satu sistem pembangunan yang berupaya mempertahankan status manusia sebagai khalifah Allah SWT dalam perspektif perhubungan mendatarnya (*habl min al-nas*) dan mempertahankan status sebagai hamba Allah SWT dalam perspektif menegaknya (*habl min Allah*). Pembangunan berteraskan Islam mesti lahir daripada tasawur Islam manakala pelaksanaannya pula perlulah berdasarkan konsep ibadat menurut Islam. Pembangunan yang berteraskan Islam adalah bermatlamatkan untuk mendapat keredaan Allah SWT (*mardhatillah*) dan seterusnya turut mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (*al-falah*) (Salleh, 2003).

Begitulah juga dengan sesetengah masyarakat yang hanya mementingkan akhirat dan melihat kekayaan dunia sebagai benteng penghalang untuk mengecap kebahagiaan akhirat. Mereka berpendapat bahawa hanya Muslim yang miskin dan zuhud sahaja akan menikmati kesenangan di syurga Allah SWT dengan alasan mereka ini tidak pernah dilalaikan oleh harta kekayaan. Pendapat ini adalah kurang tepat dan tercicir dari landasan Islam yang sebenar. Setiap Muslim, tanpa mengira pangkat dan darjat, yang dapat menunaikan tanggungjawabnya terhadap Allah SWT, manusia dan makhluk-makhluk lain, berpeluang untuk masuk ke syurga. Malah seseorang Muslim yang miskin dan lemah yang membiarkan dirinya dikuasai orang lain lebih dimurkai oleh Allah SWT berbanding dengan orang yang kuat (Nik Pa, 2007). Keseimbangan antara pembangunan fizikal dan sosial mestilah seiring dan tanggungjawab untuk

mengimbangkan antara pembangunan kebendaan dan pembangunan rohani serta akhlak bukan terletak kepada tugas sesetengah pihak sahaja, tetapi perlu dikongsi bersama oleh semua pihak. Menurut Nik Pa (2007), pembangunan insan sering kali dikaitkan dengan proses berterusan membina potensi kemanusiaan dalam aspek jasmani, emosi, mental dan rohani. Konsep yang tepat dalam pembangunan insan ialah pembangunan kedua-dua unsur utama iaitu jasmani dan rohani. Pembangunan jasmani meliputi proses membangunkan aspek fizikal manusia seperti tubuh badan agar sentiasa sihat dan kuat. Ia juga dikaitkan dengan proses pembangunan dan latihan jasmani yang membina kekuatan fizikal. Secara khususnya, Abdul Wahab (2008) menyatakan bahawa, pembangunan jasmani sebagai membangunkan potensi jasmani dan jasad yang meliputi tulang, darah, rambut, kulit dan saraf untuk membolehkan ia berfungsi dengan baik dan mampu digunakan untuk kehidupan. Proses pembangunan jasmani meliputi penjagaan kesihatan, makan, minuman, kebersihan, latihan, perlindungan dan pembentukan. Apabila proses ini dilaksanakan, maka komponen fizikal akan menjadi sihat dan berfungsi dengan baik.

Pembangunan rohani pula adalah proses membangunkan potensi komponen akal, perasaan, nafsu, hati dan roh bagi mengembangkan potensi insan agar mampu menjalankan tugas dengan baik (Nik Pa, 2007). Secara khususnya, pembangunan rohani merujuk kepada aktiviti atau proses membangunkan potensi rohani meliputi akal, roh, emosi, hati dan nafsu untuk membolehkan komponen ini berfungsi dengan baik dan mampu digunakan untuk kehidupan. Proses pembangunan rohani ini juga meliputi pemberian keperluan kepada setiap komponen rohani, pembersihan, perlindungan daripada ancaman, latihan pembentukan dan kawalan. Proses ini penting untuk membolehkan komponen rohani ini menjalankan fungsi yang telah ditentukan (Abdul Wahab, 2008).

Pembangunan insan bukan hanya sekadar memenuhi tuntutan jasmani sahaja. Hakikat asal kejadian insan itu perlu difahami dan dipenuhi tuntutannya. Unsur rohani menjadi nadi dan tunjang kepada nilai kemanusiaan seseorang manusia. Pembangunan insan perlu membabitkan gabungan pembangunan rohani dan pembangunan jasmani. Roh dan jasad saling berinteraksi untuk membentuk hakikat kemanusiaan (Nik Pa, 2007). Oleh itu, pembangunan insan sebenarnya membangunkan insan mengikut hakikat asal kejadian insan itu sendiri. Jelasnya, Islam tidak melihat pembangunan insan seseorang berdasarkan pembangunan dari aspek jasmani semata-mata, bahkan juga merangkumi seluruh aspek rohani, naluri dan akal (Pasukan Penyelidik UTM, 2005).

Menurut Syed Ibrahim (2003), terdapat sepuluh ciri-ciri asas individu yang bergelar Muslim sejati atau dengan kata lain mempunyai sahsiah diri, iaitu akidah yang sempurna, ibadah yang sah, akhlak yang kukuh, mampu untuk bekerja, kuat tubuh badan, bermujahadah melawan nafsu, fokus dalam pekerjaan, menjaga waktu, bermanfaat kepada orang lain, dan mempunyai pemikiran yang berilmu pengetahuan, matang dan bernas. Imam al-Nawawi melihat pembangunan insan terangkum dalam lapan aspek utama iaitu aspek pembangunan akhlak kepada tuhan, akhlak sesama insan, sosial, adab kehidupan, ibadah, jihad, ilmu dan pengetahuan batasan agama. Imam al-Ghazali pula melihat pembangunan insan merangkumi keseluruhan aspek diri individu iaitu melibatkan pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan al-Qur'an, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan manusia dengan manusia, akhlak, budi pekerti serta pembangunan jiwa dan hati (Omar, 2010).

Jadi, secara umumnya, pembangunan insan terdiri daripada tiga unsur dasar iaitu pembinaan akidah, ibadah dan akhlak. Kesemua unsur dasar ini berkait dengan aspek kerohanian atau

dalam manusia. Unsur dalam terlihat menerusi tingkah laku luaran. Tingkah laku ini dinamakan akhlak iaitu terjemahan daripada akidah dan amalan atau ibadah seseorang. Oleh yang sedemikian, walaupun berkaitan dengan aspek kerohanian atau dalam manusia, namun unsur dalam ini boleh dilihat melalui penampilan atau tingkah laku luaran. Tingkah laku luaran individu pula adalah berasaskan kepercayaan atau akidah yang dikenali sebagai akhlak. Maka, menerusi pembangunan akhlak inilah hakikat manusia itu hendak dibina (Ulwan, 1992).

Dalam Islam, etika dan moral, sekalipun berbeza dari sudut konsep, matlamat dan sumber, dikenali sebagai akhlak. Menurut takrif Ibn Miskawayh, akhlak merujuk kepada suatu situasi yang terbentuk dalam diri seseorang manusia dan ia berfungsi sebagai kuasa eksekutif yang mengarah orang tersebut melakukan semua perbuatannya. Menurut Imam al-Ghazali pula, akhlak merupakan suatu pembawaan yang mantap dalam jiwa insan dan segala perbuatannya terhasil dengan mudah tanpa melibatkan daya pemikiran dan pertimbangan. Sekiranya pembawaan tersebut menghasilkan perbuatan yang mulia, iaitu perbuatan terpuji menurut pertimbangan akal dan syariat, maka pembawaan tersebut dinamakan akhlak yang baik. Jika sebaliknya pula, ia merealisasikan perbuatan buruk maka pembawaan kejiwaan tersebut dinamakan akhlak yang buruk (Omar, 2010).

Walau apa pun pengertian yang diberikan, pembangunan insan itu sendiri boleh disimpulkan sebagai membangunkan akhlak, peribadi dan tingkah laku dengan bermatlamat untuk menjadikan seseorang insan itu cemerlang, berdaya maju, bertamadun, dan intelek. Asas yang diguna pakai dalam membangunkan insan itu adalah berteraskan ajaran Islam. Pembangunan insan hanya akan tercapai apabila seseorang insan dibangunkan mengikut acuan kehidupannya. Jawapan-jawapan kepada persoalan manusia mengenai fungsi, peranan, asal-usul, dan matlamat utama kehidupan mereka telah termaktub di dalam al-Qur'an dan hadis. Oleh yang sedemikian, kaedah pembangunan insan dapatlah dikategorikan sebagai antara aktiviti memahami hakikat wahyu dan penghayatan ajarannya (Nik Pa, 2007).

Usaha dalam pembangunan insan melalui pengenalanpastian elemen kepemimpinan dan kepengikutan adalah sangat penting. Hal ini bagi memastikan matlamatnya dan cabarannya serta hala tujunya adalah jelas. Kedua, kepemimpinan dan kepengikutan yang diyakini berkesan dan mantap. Ketiga, kaedah kepemimpinan dan kepengikutan yang sesuai dan yang keempat, pendekatan dan strategi yang mantap (Mohd Zin, 2010). Matlamat pembangunan insan ialah untuk mengembalikan fitrah manusia supaya dapat memainkan peranannya sebagai khalifah di muka bumi dan dalam masa yang sama hamba kepada Penciptanya iaitu Allah SWT bagi mencapai kesejahteraan dan keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Maka, cabaran dalam pembangunan insan adalah mewujudkan individu dan masyarakat yang mempunyai aspek kepemimpinan yang berkualiti dan aspek kepengikutan yang padu bagi memastikan hala tuju dan matlamat hidup yang jelas, seperti mana yang telah ditentukan oleh Allah SWT (Syed Ibrahim, 2003 & Abang Muis et al., 2018).

Kajian Literatur

Terdapat dua aspek utama yang menjadi perbincangan dalam artikel ini. Oleh demikian, kajian dan tinjauan literatur telah dilaksanakan bagi mengenal pasti kajian yang telah dilaksanakan dan penulisan sedia ada berkaitan dengan elemen kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan berteraskan Islam.

Mengikuti pengamatan semasa yang dibuat terhadap bidang ini ternyata pendekatan khusus yang cuba ditekankan dengan tajuk kajian ini masih lagi belum dilakukan secara mendalam oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya. Hal ini demikian kerana boleh dimaklumi memandangkan elemen kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan ini masih belum diteroka sepenuhnya. Perkara yang telah ada kebanyakannya membabitkan pelbagai aspek yang terhad.

Antara kajian yang berkaitan secara langsung dengan pembangunan insan ialah kajian oleh Jasmi (2002) iaitu mengenai paradigma Imam al-Nawawi dalam pembangunan insan berdasarkan kajian teks terhadap Kitab *Riyad al-Solihin*. Kajian ini cuba menyingkap satu kaedah pembangunan insan menurut pandangan Imam al-Nawawi melalui kajian teks Kitab *Riyad al-Solihin*. Dalam kajiannya juga, beliau telah meneliti perbezaan definisi pembangunan insan menurut Barat dan Islam bagi membandingkan definisi tersebut dengan definisi pembangunan insan dan kaedahnya mengikut paradigma Imam al-Nawawi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Imam al-Nawawi telah menumpukan aspek kerohanian pembangunan diri insan yang berkaitan hubungan dengan Allah SWT sebagai teras kepada pembangunan dalam aspek yang lain. Pembangunan insan menurut pandangan Imam al-Nawawi merujuk kepada dua perkara utama iaitu kaedah yang betul dalam membangunkan insan serta isi kandungan pembangunan yang lengkap dan sempurna. Kejayaan dalam pembangunan insan tidak akan tercapai tanpa kedua-dua perkara ini. Kaedah yang dikemukakan oleh Imam al-Nawawi adalah bersumberkan al-Qur'an dan Hadis. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa Imam al-Nawawi mengemukakan sebanyak 204 perkara asas berkaitan pembangunan insan yang terkandung dalam lapan aspek pembangunan iaitu pembangunan akhlak insan kepada Allah SWT, pembangunan akhlak sesama insan, pembangunan sosial, pembangunan adab kehidupan, pembangunan ibadah, pembangunan jihad, pembangunan ilmu dan pembangunan batasan-batasan beragama yang seharusnya dibangunkan dalam diri seseorang insan. Dengan kesempurnaan dalam semua perkara tersebut akan membolehkan seseorang insan itu dipandu oleh Allah SWT untuk mendapatkan kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Selain itu, kajian tentang pembangunan insan dalam aspek etika Islam juga telah banyak dibincangkan. Antaranya ialah kajian oleh Amril (2002) yang memfokuskan kepentingan etika Islam. Kajian ini mengenai ketokohan Raghīb al-Isfahani sebagai salah seorang tokoh pemikir dan ahli falsafah moral Islam. Pemikiran etika Islam yang diketengahkan oleh al-Isfahani didapati menggabungkan unsur-unsur falsafah, syariat dan sufisme sebagai panduan ummah sejagat. Manakala, kajian Abul Quasem (1975) memfokuskan pemikiran al-Ghazali tentang etika Islam. Pemikiran al-Ghazali melihat etika bertitik tolak daripada kupasan mengenai jiwa selaku komponen kerohanian yang terpenting dalam diri manusia. Oleh yang demikian, jiwa mestilah dididik dengan baik berlandaskan falsafah tauhid bagi melahirkan insan yang mempunyai kekuatan rohani.

Selain itu, terdapat pengkaji yang cenderung melihat elemen kepemimpinan dalam pembangunan insan guru pelatih di institut perguruan. Mat (1999), telah meneliti peranan mata pelajaran Praktik dan Hafazan dalam pembinaan insan dan kepimpinan guru pelatih Kursus Diploma Pendidikan Malaysia di Maktab Perguruan Islam Bangi, Selangor. Beliau mendapati bahawa mata pelajaran Praktik dan Hafazan yang dilaksanakan mempunyai hubungan dengan peningkatan tahap keterampilan dan kepimpinan peribadi guru pelatih dengan dibantu oleh faktor disiplin sosial dan disiplin kerjaya perguruan. Perkara ini turut mewujudkan keseimbangan dan kesepaduan antara fungsi ketauhidan peribadatan dan akhlak dalam proses pengukuhan keperibadian dan kepimpinan dalam kalangan guru pelatih.

Institusi ketenteraan juga mendapat tumpuan para pengkaji. Awang, (1998) telah meneliti mengenai aspek kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembinaan insan tentera dalam Islam dan melihat perkaitannya dengan ketenteraan masa kini. Beliau telah membuat perbandingan antara aspek kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan tentera dalam Islam dengan yang ada pada masa kini dengan mengambil Angkatan Tentera Malaysia sebagai subjek kajian. Pembinaan tenaga manusia dalam masyarakat Islam disoroti untuk melihat “*grand strategy*” masyarakat Islam dalam menghadapi perang dan damai seterusnya dibandingkan dengan pembangunan insan tentera Malaysia masa kini. Dapatan kajiannya menunjukkan doktrin latihan ketenteraan dalam Islam mempunyai perbezaan yang luas dengan doktrin latihan ketenteraan moden. Perbezaan ini melibatkan masalah konsep, isi dan pendekatan. Walau bagaimanapun, Angkatan Tentera Malaysia tetap berusaha mendekatkan jurang perbezaan itu dengan cuba menerapkan islamisasi dan nilai-nilai ketenteraan melalui pendekatan aktiviti agama. Kejayaan usaha ini sebenarnya tetap bergantung pada kesungguhan semua pihak khususnya pihak atasan untuk melaksanakan pendekatan yang ditetapkan.

Institusi yang paling banyak mendapat tumpuan para pengkaji dalam aspek kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan ialah institusi pendidikan terutamanya institusi sekolah dan IPT. Namun begitu, kebanyakan kajian yang dihasilkan lebih menumpukan aspek persepsi dan keberkesanan kaedah pembangunan insan. Antara pengkaji yang membuat kajian mengenai kaedah pembangunan insan pada peringkat sekolah ialah Mohd Ismail Mustari, Selamat Hashim, Azmi Shah Suratman, Abd. Basit Abd. Samat, Abdul Rahman Hamzah, Abdul Hafiz Abdullah (2004) yang meninjau persepsi pelajar, guru dan pentadbir sekolah dalam pembinaan insan pelajar di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang, Johor (SMAKJ) dalam mencapai matlamat penubuhannya. Secara khususnya, kajian mereka bertujuan mengenal pasti faktor berlakunya perbuatan salah laku para pelajar yang menyebabkan masalah sosial di sekolah dan mengenal pasti penyelesaian terhadap masalah sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah tersebut.

‘Imaaduddin Abdul Halim (2010) pula menumpukan aspek pembangunan rohani pelajar di sekolah agama rakyat dalam kajiannya. Kajiannya bertujuan mengenal pasti kaedah pembangunan rohani di sekolah-sekolah menengah agama rakyat bantuan kerajaan Daerah Seberang Perai Utara. Kajian ini telah menggariskan lima komponen pembangunan rohani yang dirumuskan berdasarkan kajian-kajian terdahulu dan sorotan karya yang dikenal pasti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah pembangunan rohani yang dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah agama rakyat bantuan kerajaan Daerah Seberang Perai Utara ini adalah selari dengan lima komponen pembangunan rohani menurut Islam iaitu aspek penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*), tujuan penciptaan manusia, Nabi Muhammad SAW ikutan terbaik, manusia perlu melawan godaan syaitan dan sifat pelupa, dan tahap keimanan bergantung pada pengawalan nafsunya. Hal ini telah memberikan implikasi penting kerana ia telah memperkembangkan lagi aspek pembangunan rohani berteraskan Islam.

Selain itu, Mohd Hafiz Kamarudin (2006) dalam kajiannya, telah memfokuskan persepsi pelajar terhadap program-program dan aktiviti-aktiviti pembangunan insan pelajar di Kolej 10 dapat mengurangkan masalah sosial, faktor-faktor penglibatan pelajar dalam program pembangunan insan di Kolej 10 serta kesan-kesan pembangunan insan pelajar dalam pencegahan masalah sosial di Kolej 10. Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa pembangunan insan pelajar memainkan peranan yang penting bagi mengatasi masalah sosial yang kian menular ini. Dapatan kajiannya juga menunjukkan bahawa program

pembangunan insan pelajar dalam aspek kerohanian mendatangkan kesan yang baik dalam proses pembinaan insan individu mahupun masyarakat.

Oleh demikian, kajian yang benar-benar menumpukan fokus terhadap elemen sepunya kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan berteraskan Islam masih belum dilaksanakan secara komprehensif oleh para pengkaji terdahulu. Dalam sejarah perkembangan Tamadun Islam, sifat-sifat kepemimpinan dan kepengikutan dapat dilihat menerusi peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam semua aspek khususnya dalam aspek ketenteraan dan peperangan. Daripada setiap peperangan yang disertai oleh Rasulullah SAW, dapat disimpulkan beberapa sifat-sifat kepemimpinan Baginda yang menjadi asas kepada sifat-sifat kepemimpinan berteraskan Islam selain daripada aspek-aspek yang telah dibincangkan. Antaranya ialah kekuatan jiwa, berpandangan jauh, keinginan yang kuat dan kukuh, keberanian, masa lalu yang cemerlang dan mulia, akal yang cerdas dan politik yang baik, memahami prinsip-prinsip peperangan dan mempraktikkannya, mampu membuat keputusan yang cepat dan tepat, saling mengasihi antara pemimpin dan pengikutnya, memahami diri dan persiapan yang perlu dilakukan dan keperibadian yang baik.

Metodologi Kajian

Artikel ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif iaitu dengan menggunakan data yang diperoleh melalui sumber sekunder dalam bentuk buku, jurnal, laporan, dan bahan-bahan bercetak yang lain.

Kepemimpinan dan Kepengikutan dalam Pembangunan Insan Berteraskan Islam

Berdasarkan perbincangan dalam kajian literatur dan metodologi kajian yang telah dilaksanakan, dapat diutarakan beberapa perbincangan dan penemuan utama berkaitan dengan elemen sepunya kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan berteraskan Islam. Dalam bahagian ini, penelitian secara mendalam dilakukan terhadap elemen sepunya kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan berteraskan Islam yang telah dikenal pasti. Bagi tujuan analisis tersebut, analisis ini akan melibatkan lima aspek pembangunan insan berteraskan Islam yang dirumuskan dan merupakan asas penting dalam artikel ini. Lima aspek pembangunan insan berteraskan Islam tersebut ialah *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa), peranan insan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT, penguasaan ilmu agama, hubungan dengan Allah SWT (*habl min Allah*), dan hubungan dengan manusia (*habl min al-nas*) (Abang Muis, 2015).

Tazkiyah al-Nafs (Penyucian Jiwa)

Tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa) merupakan satu tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah SWT ke atas Rasulullah SAW. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmat-Nya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan al-Qur'an yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (daripada iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (al-Qur'an) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata (Ali-Imran, 3: 164)

Tazkiyah al-nafs merupakan salah satu elemen paling utama dalam pembangunan insan. Elemen ini berfungsi sebagai alat penyucian rohani insan daripada sifat-sifat mazmumah seterusnya dapat menjauhkan insan tersebut daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh agama dan undang-undang. Segala sifat mazmumah hendaklah dibersihkan daripada jiwa setiap individu terutama para penuntut ilmu. Jika seseorang insan khususnya tidak melakukan pembersihan jiwa sudah pasti mereka tidak akan dapat untuk meneruskan tugas Rasulullah SAW untuk menyucikan jiwa pengikutnya. Tanpa proses penyucian jiwa sifat-sifat tercela tersebut akan menjadi sebahagian daripada diri individu. Sifat-sifat tersebut akan bersarang dalam hati individu tersebut dan seterusnya akan mempengaruhi dan menguasai setiap keputusan dan tindakan yang dilakukan olehnya. Permasalahan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini berkait rapat dengan penyakit hati yang membelenggu jiwa manusia. Selain itu, *tazkiyah al-nafs* berfungsi sebagai alat untuk mendekatkan diri insan dengan sifat-sifat mahmudah dan seterusnya dapat menzahirkan akhlak yang mulia (Ahmad Farid, 2012: 17).

Penelitian terhadap kepemimpinan dan kepengikutan mendapati bahawa aspek *tazkiyah al-nafs* sangat signifikan. Ia turut mengemukakan tatacara proses *tazkiyah al-nafs*, proses pendidikan akhlak berdasarkan tasawuf, metodologi pendidikan akhlak anjuran tokoh-tokoh terkenal Islam serta beberapa contoh akhlak yang perlu dimiliki oleh insan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummyyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) daripada bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (al-Qur’an) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata”(al-Jumu’ah, 62: 2)

Dalam ayat tersebut, Allah SWT menyebut berkenaan pentingnya aspek *tazkiyah al-nafs* sebelum mengajarkan mereka tentang ilmu pengetahuan. Jika seseorang individu diajarkan dengan pelbagai ilmu, tetapi pada masa yang sama jiwanya dipenuhi dengan sifat-sifat mazmumah yang tercela, dikhuatiri individu ini akan menggunakan ilmu tersebut untuk tujuan yang salah kerana didorong oleh sifat-sifat mazmumah tersebut.

Melihat kepada kepentingan aspek *tazkiyah al-nafs* ini, pembinaan sifat kepemimpinan dan kepengikutan sepatutnya dilaksanakan dengan memberikan fokus terhadap aspek *tazkiyah al-nafs* secara tidak langsung dalam majlis-majlis ilmu seperti ceramah, tazkirah dan kuliah yang diadakan.

Hal ini bertepatan dengan proses untuk melaksanakan *tazkiyah al-nafs* ini yang terbahagi kepada dua bentuk. Pertama ialah suruhan kepada amalan-amalan yang wajib di sisi agama seperti solat lima waktu, berpuasa, menunaikan zakat, menunaikan haji, dan ibadah-ibadah lain seperti membaca al-Qur’an, berzikir, bertafakur tentang ciptaan Allah SWT, mengingati mati serta memendekkan angan-angan. Selain itu, amalan mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti *qiamullail*, melakukan amal kebajikan, selalu berkunjung ke majlis ilmu, muhasabah diri dan berusaha bersungguh-sungguh melawan hawa nafsu untuk memperbaiki diri. Proses

yang kedua adalah suruhan dalam bentuk larangan dan tegahan. Suruhan ini berkaitan dengan penggunaan tujuh anggota badan manusia iaitu mata, telinga, lidah, perut, organ seks, tangan dan kaki. Untuk menyempurnakan proses *tazkiyah al-nafs*, manusia hendaklah memelihara kesucian tujuh anggota ini daripada segala perbuatan yang bertentangan dengan syariat Islam. Penyalahgunaan anggota badan ini ke arah perkara yang lalai akan memberikan impak yang buruk kepada diri manusia itu sendiri sama ada di dunia mahupun di akhirat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai” (al-A’raf, 7: 179)

Untuk melaksanakan *tazkiyah al-nafs* ini, setiap individu dalam kapasiti sebagai seorang pemimpin dan pengikut mestilah melaksanakan ibadah-ibadah ini dengan hati yang ikhlas kerana Allah SWT dan tanpa ada sebarang perasaan riak dalam diri setiap individu. Setiap ibadah yang diiringi dengan sifat ujub dan riak adalah amalan yang sia-sia dan tidak diterima oleh Allah SWT.

Peranan Insan Sebagai Hamba dan Khalifah Allah SWT

Perkara yang paling penting yang harus diketahui oleh setiap pemimpin dan pengikut ialah mengenal dirinya secara betul dan jelas. Pengetahuan tentang dirinya akan melahirkan jati diri yang mantap dan berkeyakinan. Sekiranya seseorang tidak mengenal dirinya maka hal ini akan menyebabkan berlakunya krisis identiti yang boleh membawa kepada kegagalan di dunia dan juga akhirat. Salamun dan Ahmad (2010) memerihalkan aspek ini sebagai kepemimpinan Rabbani yang merujuk kepada merujuk kepada kepemimpinan yang menitikberatkan perkongsian tanggungjawab dan pertanggungjawaban dengan menunjukkan amalan kepemimpinan yang didorong oleh pertimbangan moral untuk mendapatkan keredaan Allah SWT.

Hamba Allah SWT

Jati diri sebagai hamba Allah SWT merupakan sesuatu yang dikongsi bersama oleh setiap individu Muslim. Allah SWT telah berfirman dalam al-Qur’an yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku (al-Dharyat, 51: 56)

Jati diri sebagai hamba Allah SWT merupakan asas terpenting pada setiap insan. Hal ini merupakan satu manifestasi yang mesti dihayati sekurang-kurangnya lima kali sehari semalam oleh setiap insan. Manifestasi perhambaan ini digambarkan melalui ibadah solat yang dilakukan oleh setiap Muslim melalui penghayatan terhadap bacaan dan perlakuan yang dilaksanakan semasa mendirikan ibadah solat. Penghayatan ini sering juga difahami melalui perkataan ‘khusyuk’. Semasa melaksanakan ibadah solat, manusia diminta untuk memahami dan menghayati bacaan dalam ibadah tersebut dan meneliti perbuatan yang dilakukan dalam solat. Melalui bacaan surah *al-Fatihah* umpamanya manusia seolah-olah berkomunikasi dengan Allah SWT. Dalam surah tersebut, manusia mengakui bahawa Allah SWT ialah tuhan yang

disembah dan dirinya ialah hamba Allah SWT. Perkara ini diperkukuhkan lagi melalui perlakuan sujud, iaitu manusia akan meletakkan dahinya yang merupakan tempat paling mulia pada tubuhnya di tempat yang paling hina iaitu tempat yang setaraf dengan kedudukan kakinya iaitu di atas tanah (Mohd Radhi Ibrahim, 2010: 65).

Ia merupakan suatu manifestasi tertinggi yang mampu dilakukan oleh seseorang hamba dalam usaha menggambarkan ketaatan dan kehinaannya di hadapan Allah SWT. Manifestasi ini akan mengukuhkan jati diri seseorang insan serta mengingatkan dirinya tentang siapa dirinya dan dari mana asalnya. Melalui pengukuhan jati diri yang terhasil melalui penghayatan terhadap kandungan bacaan dan perbuatan dalam solat, sudah tentu akan menghasilkan peribadi yang sentiasa berhati-hati dalam melakukan sesuatu tindakan atau percakapan. Hal ini kerana seseorang insan telah sedar dan bimbang setiap perbuatannya yang menyalahi perintah dan kehendak Allah SWT akan menyebabkan dirinya dihumban ke dalam seksaan neraka. Melalui keyakinan ini, seseorang insan tersebut akan menjauhkan dirinya daripada perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT seperti menghampiri zina, rasuah, mencuri dan pelbagai jenayah lain. Seseorang insan ini akan memusatkan tindakannya kepada perkara yang diredai oleh Allah SWT, dengan harapan akan tergolong bersama golongan yang dikasihi oleh Allah SWT dan seterusnya diberikan kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Mokhtar et al., 2018).

Khalifah Allah SWT

Di samping jati diri asas sebagai hamba Allah SWT, seseorang insan juga hendaklah sedar bahawa dirinya dipertanggungjawabkan sebagai khalifah Allah SWT atau pemimpin di muka bumi. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya". (al-Baqarah, 2: 30)

Kesediaan manusia untuk menjadi khalifah di muka bumi digambarkan melalui kesanggupannya untuk memikul amanah yang enggan dipikul oleh makhluk lain seperti langit, bumi dan gunung-ganang. Hakikat ini dapat dilihat melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan (al-Ahzaab, 33: 72)

Disebabkan kesanggupan manusia untuk memikul tanggungjawab inilah mereka dikehendaki untuk mentadbir alam ini ke arah yang diredai oleh Allah SWT. Mereka juga dikehendaki untuk mengeksploitasi alam ini serta membanggunya demi kemajuan manusia dan alam seluruhnya.

Begitu juga, dalam usaha untuk mentadbir alam ini ke arah keredaan Allah SWT, manusia dikehendaki mempunyai pengetahuan tentang jalan yang diredai Allah SWT dan arah tujuan perjalanan hidup ini. Sekali lagi ilmu agama diperlukan sebagai asas dalam pembinaan tamadun yang diredai oleh Allah SWT.

Dalam usaha untuk membangunkan alam ini, manusia juga perlu mengetahui cara pembangunan tersebut dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian, manusia perlu mengetahui ilmu berkaitan alam ini dan sistem yang mengaturnya seperti ilmu perubatan, sains dan teknologi, ekonomi dan sebagainya. Begitu juga keperluan manusia kepada teknologi terkini untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat dan negara. Kesemua ilmu ini merupakan sebahagian ilmu yang mesti dipelajari oleh sebahagian insan Muslim yang turut dikenali sebagai ilmu dalam kategori fardhu kifayah. Berdasarkan pernyataan tersebut, ternyata bahawa Islam tidak pernah memandang ringan sebarang bentuk ilmu yang memberi manfaat kepada manusia. Melalui realiti ini, dapat dilihat biarpun individu Muslim berada dalam sektor pekerjaan yang berbeza seperti jurutera, doktor perubatan dan sebagainya, namun tujuan dan cita-cita mereka adalah sama iaitu untuk mengarahkan manusia ke arah mencapai keredaan Allah SWT. Hal ini bermakna setiap insan melalui pengetahuan kepakaran dalam bidang masing-masing berperanan untuk menyerlahkan lagi keesaan dan keagungan Allah SWT di alam ini.

Penguasaan Ilmu Agama

Aspek ini berkait rapat dengan insan yang bergelar pemimpin atau pelajar dalam mana-mana organisasi pada asasnya perlu melaksanakan kewajipan fardhu kifayah iaitu menguasai ilmu agama (*tafaqquh fi al-din*). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (daripada melakukan larangan Allah) (al-Taubah, 9: 122)

Ayat ini menunjukkan bahawa terdapat dua peranan pemimpin dan pengikut sebagai penuntut ilmu agama iaitu pertama, *tafaqquh fi al-din* yang bermakna setiap insan yang terpilih untuk menuntut ilmu Islam dikehendaki menguasai segala yang dipelajari (*tafaqquh*) dengan baik dan kedua, *liyundhiru qawmahum* iaitu insan yang mempelajari ilmu agama juga perlu memberikan peringatan kepada kaum mereka dalam hal-hal kehidupan agar kaum mereka tidak terjebak dalam kesilapan dan dosa yang dimurkai oleh Allah SWT. Makna penguasaan yang dinyatakan tersebut ialah mereka benar-benar menguasai segala perkara yang dipelajari dan menjaga ilmu tersebut secara berterusan sama ada melalui hati (*sudur*) mahupun dalam penulisan (*sutur*). Pada masa yang sama mereka juga mengamalkan ilmu yang dipelajari tersebut dalam kehidupan harian (Mohd Radhi Ibrahim, 2010: 55)..

Berdasarkan ayat yang dinyatakan tersebut, Allah SWT menggunakan perkataan '*tafaqquh*' dengan makna menguasai dan mendalami. Dalam hal ini juga, Allah SWT tidak menggunakan perkataan *ta'allum* yang bermakna belajar. *Ta'allum* merupakan satu proses untuk mencapai *tafaqquh*. Seseorang insan perlu belajar sehingga menguasai dengan baik segala yang

dipelajarinya. Sekiranya mereka hanya belajar tanpa menguasai ilmunya maka amanah yang dipikulnya iaitu untuk menguasai ilmu agama (*li yatafaqqahu fi al-din*) tidak terlaksana (Mohd Radhi Ibrahim, 2010: 55)..

Hubungan dengan Allah SWT

Hubungan manusia dengan Allah SWT merupakan penentu kepada kebahagiaan individu sama ada sebagai pemimpin atau pengikut tersebut di dunia dan juga akhirat. Individu yang mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT akan sentiasa tenang dan gembira dengan kurniaan Allah SWT. Dia akan sentiasa bersyukur dengan setiap nikmat yang diberikan Allah SWT kepadanya. Individu yang mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT menjadikan alam sekelilingnya sebagai perantara untuk melihat kewujudan, keagungan dan kesempurnaan Allah SWT. Setiap kali melihat keajaiban dan kehebatan alam ini, akan mengingatkannya kepada keagungan pencipta alam ini iaitu Allah SWT. Hal ini akan melahirkan individu yang sentiasa ingat kepada Allah SWT pada setiap masa dan tidak lalai daripada mengingati Allah SWT. Individu ini sentiasa berfikir tentang kejadian alam dan mengakui keagungan Allah SWT (Mohd Radhi Ibrahim, 2010: 55). Situasi individu seperti ini digambarkan oleh Allah SWT berkenaan dengan *ulu al-Albab* melalui firman-Nya yang bermaksud:

(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka (Ali-Imran, 3: 191)

Tujuan Allah SWT memerintahkan manusia berfikir tentang makhluk ciptaan-Nya ialah agar mereka sentiasa ingat kepada Pencipta makhluk tersebut dan kehebatan-Nya. Ingatan yang berterusan kepada Allah SWT amat penting kerana hal ini akan melahirkan sifat individu yang kenal siapa dirinya. Pengetahuan tentang diri dan ingatan terhadap jati diri ini amat penting bagi memastikan individu akan melakukan tindakan yang sesuai dengan jati dirinya sendiri. Antara jati diri yang perlu diketahui oleh individu Muslim ialah diri sebagai hamba kepada Allah SWT. Perhambaan sememangnya perlu digandingkan dengan ketaatan. Hamba yang baik ialah hamba yang taat kepada perintah tuhan.

Oleh itu, ingatan yang berterusan kepada Allah SWT akan menjadikan manusia ingat akan jati dirinya dan sentiasa melakukan perbuatan atau perkataan yang sesuai dengan status dirinya sebagai hamba atau pengikut. Hamba yang baik akan sentiasa memastikan tindakannya tidak menimbulkan kemarahan tuhan. Dia akan berusaha untuk mematuhi setiap perintah dan larangan tuhan. Jika dia melakukan suatu kesalahan sama ada secara sengaja atau tidak disengajakan, keampunan akan dipohon, bertaubat di atas dosanya tersebut dengan perasaan takut dan hina di hadapan tuhan. Dalam hatinya sentiasa takut akan kemurkaan tuhan dan berharap keampunan dan anugerah daripada Allah SWT (Mohd Radhi Ibrahim, 2010: 55).

Hubungan manusia dengan Penciptanya boleh dilakukan melalui pelbagai cara, namun yang paling penting ialah melalui ibadah solat. Hamba yang taat kepada Tuhannya akan segera melakukan ibadah solat pada awal waktu dan secara berjemaah. Hal ini kerana Rasulullah SAW menyatakan bahawa Allah SWT suka jika hamba-Nya solat pada awal waktu dan dilakukan secara berjemaah. Hal ini dapat dilihat melalui ganjaran pahala yang digandakan kepada

pelakunya. Selain solat fardhu, Allah SWT juga suka hamba-Nya bertaqarrub dengannya melalui ibadah sunat. Rasulullah SAW menjelaskan hal ini bersabda dalam hadis *qudsi* yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT berfirman, “sesiapa yang memusuhi wali-Ku maka sesungguhnya Aku isytiharkan perang ke atasnya. Tiada yang lebih Aku sukai hamba-Ku bertaqarrub (menghampirkan diri) kepada-Ku melainkan apa yang Aku fardhukan ke atasnya, sentiasalah hamba-Ku bertaqarrub kepada-Ku dengan amalan sunat sehingga Aku mengasihinya. Apabila Aku mengasihinya maka Akulah pendengarannya yang di dengar dengannya, dan penglihatannya yang dia melihat dengannya, tangannya yang dia gunakannya, kakinya yang dia berjalan dengannya. Dan jika dia memohon kepada-Ku nescaya Aku akan memberikannya dan jika dia memohon perlindungan dari-Ku nescaya Aku akan lindunginya” (al-Bukhari).

Oleh itu, individu Muslim yang mengambil berat dengan keredaan Tuhannya akan sentiasa berusaha untuk solat pada awal waktu dan secara berjemaah, baik di masjid, surau atau tempat lain. Mereka juga akan berusaha untuk tidak melengahkan waktu solat dengan melakukan perkara yang melalaikan dan sia-sia.

Hubungan dengan Manusia

Setiap individu Islam hendaklah menghormati setiap manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT seperti dirinya sendiri. Hubungan dengan sesama Islam merupakan hubungan persaudaraan dalam agama yang sama, manakala hubungan dengan bukan Islam merupakan persaudaraan dalam kejadian iaitu makhluk yang sama. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat (al-Hujurat, 49: 10).

Kesimpulan

Kesimpulannya, artikel ini telah berjaya meneliti dan menemui elemen-elemen sepunya kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan berteraskan Islam. Selain itu juga, kajian ini juga berjaya meneliti aspek-aspek pembangunan insan yang berteraskan daripada ajaran Islam. Penemuan-penemuan ini membuktikan bahawa elemen-elemen sepunya kepemimpinan dan kepengikutan dalam pembangunan insan berteraskan Islam sememangnya sangat penting dan signifikan serta mampu melahirkan individu Muslim yang mampu berperanan sebagai pemimpin dan pengikut dengan cemerlang dan seimbang bukan sahaja dari aspek fizikal semata-mata bahkan juga aspek-aspek yang lebih penting iaitu aspek rohani, emosi dan mental. Penemuan-penemuan ini juga diharapkan juga mampu untuk memberikan sumbangan kepada bidang ilmu kepemimpinan dan kepengikutan; dan ilmu pembangunan berteraskan Islam khususnya. Walau bagaimanapun, terdapat banyak lagi aspek yang boleh dikaji untuk mengisi jurang-jurang berkaitan dengan pembangunan insan berteraskan Islam yang seterusnya mampu untuk memperkembangkan lagi ilmu-ilmu dalam bidang tersebut.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2105 dan TLS2110)

Rujukan

- Abang Muis, A. M. R. (2015). *Pembangunan insan berteraskan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abang Muis, A. M. R., Alias, M. S., Kamaruding, M., & Mokhtar, M. Z. (2018). Islamic perspective on human development management: A philosophical approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 543–552. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i4/4031>
- Abul Quasem, M. (1975). *The ethics of al-Ghazali: A composite ethics in Islam*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Amril, M. (2002). *Etika Islam: Telaah pemikiran filsafat moral Raghīb al-Isfahani*. Lembaga Studi Filsafat, Kemasyarakatan, Kependidikan dan Perempuan & Pustaka Pelajar.
- Awang, M. R. (1998). *Pembinaan sahsiah tentera dalam Islam dan kaitannya dengan ketenteraan masa kini*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- H. Ismet Junus. (2013). *Manusia menurut hidayah al-Qur'an*. Pusat Islam Universitas Medan Area.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2002). *Paradigma al-Imam Al-Nawawi dalam pembangunan insan: Satu kajian teks terhadap Kitab Riyad Al-Solihin*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Mat, R. (1999). *Peranan matapelajaran praktik dan hafazan dalam pembinaan insan dan kepimpinan guru pelatih Kursus Diploma Pendidikan Malaysia: Kajian di Maktab Perguruan Islam Bangi, Selangor*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mohd Zin, A. A. (2010). Pembangunan insan melalui pemeraksanaan dakwah. In *Pembangunan modal insan dan tamadun dari perspektif Islam*. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM).
- Mokhtar, M. Z., Alias, M. S., Kamaruding, M., & Abang Muis, A. M. R. (2018). Impak Niat Terhadap Pekerja di Institusi Islam dari Perspektif Tasawur Islam The Impact of Intention amongst Workers of Islamic Institutions from the Perspective of Islamic Worldview. *Sains Insani*.
- Muhammad Nubli Abdul Wahab. (2008). *Pembangunan insan: Pendekatan personaliti kontemporari*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP).
- Nik Azis Nik Pa. (2007). Harapan dan cabaran dalam pembangunan manusia. In *Pembangunan insan: Aspirasi dan realiti*. Kolej Dar al-Hikmah.
- Nik Mustapha Nik Hassan. (1998). Falsafah pengurusan dan pentadbiran dalam Islam. In Syed Othman Al-Habshi & Hamiza Ibrahim (Eds.), *Pengurusan dan pentadbiran: Mencapai kecemerlangan melalui penghayatan nilai*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Omar, M. N. (2010). *Falsafah akhlak*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Pasukan Penyelidik UTM. (2005). *Program pembangunan pelajar di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Salamun, H., & Ahmad, R. (2010). Daya kepemimpinan Rabbani pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *Jurnal Internasional: Manajemen Pendidikan*, 35–51.
- Salleh, M. S. (1990). Pembangunan untuk manusia atau manusia untuk pembangunan: Analisis tentang manusia dalam pembangunan berteraskan Islam. In *Konsep dan pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam* (pp. 30–47). Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM).
- Salleh, M. S. (2003). *Pembangunan berteraskan Islam*. Utusan Publications & Distributors.
- Syed Ibrahim, S. M. (2003). *Psikologi remaja*. Penerbitan PCT.
- Tajul Ariffin Noordin. (2009). Pembangunan insan dari perspektif pendidikan. In *Pasca sidang Seminar Pendidikan Tinggi Islam I-V*. Kolej Dar al-Hikmah.

Ulwan, A. N. (1992). *Pendidikan anak menurut Islam: Kaedah-kaedah dasar*. PT Remaja Rosdakarya.